

16/7/82

16 JUL 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

JUMAAT, 16 JULAI, 1982

SETELAH SETAHUN MEMEGANG TERAJU...

HARI ini genaplah setahun Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerajui pemerintahan negara. Dalam tempoh tersebut beliau bersama pemimpin-pemimpin yang lain telah mencapai beberapa kejayaan. Ketokohan dan keperibadian beliau dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam — yang kini dikenal sebagai rangkuman kepimpinan 2M — pula telah mendekatkan mereka ke hati rakyat. Tetapi tempoh setahun itu juga adalah tempoh bergelora yang penuh cabaran. Terbesar di antaranya ialah kemelesetan ekonomi dunia yang turut menjejaskan ekonomi negara ini. Tidak kurang beratnya ialah hakikat bahawa negara telah melangkah ke tahap separuh masa kedua tempoh DEB, apabila harapan orang Melayu semakin meningkat sementara rakyat bukan Melayu semakin merasa terancam.

Bagaimanapun kepimpinan 2M berjaya melayari segalanya dengan baik, malah muncul dengan beberapa kejayaan yang membanggakan. Harapan orang Melayu yang semakin meningkat itu digandungi dengan tindakan-tindakan dinamik PNB,

terutamanya dalam usaha menguasai syarikat-syarikat raksasa berasaskan pertanian seperti Guthrie Corporation. Langkah tersebut menerima kesan balas hebat dari Britain yang menuduh Malaysia mengamalkan dasar pemilikan negara melalui pintu belakang, dan kerana itu Kota London meminda syarat Pasaran Sahamnya untuk menghalang tindakan yang serupa. Reaksi Dr. Mahathir berikutnya menjadikan beliau lebih disanjung oleh rakyat. Beliau mengarahkan supaya tradisi memberi kelstimewaan kepada syarikat-syarikat British dalam penganugerahan tender dihentikan.

Namun tidak semua rakyat yang gembira dengan tindakan-tindakan tegas kepimpinan 2M. Pelaksanaan Kurikulum 3M, misalnya, menerima tentangan yang agak hebat dari sebahagian masyarakat Cina yang mengangap pendidikan dan kebudayaan Cina akan terancam olehnya. Menduga keadaan-keadaan seperti ini dan memandangkan suasana lebih bergelora yang mesti dihadapinya dengan tindakan lebih tegas, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad meminta mandat baru dari rakyat. Ini diperolehinya dalam pilihanraya 22 April dengan kemenangan lebih besar bagi Barisan Nasional.

Tindakan-tindakan beliau selanjutnya adalah bertujuan memperkukuh kedudukan ekonomi negara dan meneruskan pembangunan sambil membendung kemelesetan. Beliau cuba memperluas pasaran dan meningkatkan produktiviti dengan keluar dari daerah tumpuan tradisional kepada memandang ke Timur. Beliau juga mempererat persahabatan dengan Negara-negara Teluk serta rantau Pasifik. Bagi masyarakat Islam, langkah beliau paling besar, walaupun masih belum menjadi kenyataan, ialah penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa tahun depan. Berdasarkan kewibawaan kepimpinan beliau sendiri, dan dengan mengamalkan prinsip Bersih, Cekap dan Amanah yang kini menjadi landasan pentadbirannya, kita yakin kejayaan setahun lepas akan berganda lagi di tahun-tahun akan datang.